

18/06/2002

UPSI kendali kursus dalam bahasa Inggeris

Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan mula melaksanakan program pengajian Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai semester depan sebagai langkah menyediakan bakal guru dengan keperluan mengajar subjek terbabit menggunakan bahasa Inggeris di sekolah.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, berkata bagaimanapun pada peringkat awal, pelaksanaan itu hanya membabitkan beberapa kursus dalam pengajian program berkenaan.

Beliau berkata, UPSI sudah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselornya (Akademik), Profesor Dr Khadijah Rohani Mohd Yunus, untuk meneliti dan menyediakan rangka pelaksanaan berperingkat secara terperinci dan berkesan.

Selaku universiti pendidikan tunggal yang berperanan melahirkan guru di negara ini, katanya, UPSI mengambil tindakan proaktif berkenaan atas inisiatif sendiri sejak Majlis Tertinggi Umno mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah.

Justeru, Dr Mohammad Noor berkata, jawatankuasa khas itu akan memperincikan pelaksanaan berkenaan secara menyeluruh dan rapi, termasuk dari aspek silibus program serta penukaran bahan pembelajaran sedia ada kepada bahasa Inggeris secara berperingkat, di samping menentukan sama ada memulakannya ke atas pengajian tahun satu ataupun mencakupi serentak semua tahun pengajian.

"Selain itu, pihak universiti juga akan mengadakan latihan kemahiran bahasa Inggeris secara intensif untuk pensyarah sebagai memantapkan lagi persediaan mereka melaksanakan tugas pengajaran berkenaan.

"Sebenarnya pihak pensyarah, terutama dalam program pengajian Sains serta Matematik, sudah dimaklumkan mengenai perkara ini dan mereka sedang membuat persediaan yang sebaik mungkin.

"UPSI sedia menerima keputusan pelaksanaan oleh kerajaan sekali gus melahirkan tenaga pengajar yang diperlukan untuk pelaksanaan pendidikan negara," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau mengulas langkah persediaan UPSI untuk melahirkan guru Sains dan Matematik yang berkemampuan mengajar menggunakan bahasa Inggeris sejajar dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan akan melaksanakan pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan.

Ketika ditanya mengenai syarat kelayakan calon ke program pengajian Sains dan Matematik di UPSI yang mungkin diubah pada sesi pengambilan akan datang selaras dengan perkembangan terbaru itu pula, Dr Mohammad Noor berkata, aspek berkenaan akan diteliti terlebih dulu, iaitu sama ada menambahkan kriteria dari segi pencapaian bahasa Inggeris ataupun mengekalkan syarat sedia ada di mana guru pelatih akan diberikan latihan kemudian.

Apapun, beliau berkata, UPSI sudah mengambil langkah pelaksanaan awal dengan melaksanakan pengajaran dua mata pelajaran asas pendidikan, iaitu Psikologi serta Pengukuran dan Penilaian, dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, katanya, dua lagi mata pelajaran bagi setiap program pengajian di UPSI juga dikehendaki diajar menggunakan bahasa Inggeris mulai sesi akademik 2002/2003 ini.

Sementara itu Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB),

Profesor Madya Dr Abdul Rahman Daud, pula berkata pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris perlu dilaksanakan secara perintis dulu sebelum memperluaskannya ke semua sekolah.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi mengenal pasti sebarang kekurangan atau kelemahan supaya usaha menangani serta mengatasinya dapat diambil bagi memastikan pelaksanaan secara menyeluruh kelak berkesan.

Katanya, pelaksanaan secara perintis itu perlu merangkumi sekolah di kawasan Felda, luar bandar, pinggir bandar, bandar, sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, Gred A, Gred B dan sekolah kurang murid, bagi mendapatkan hasil pemantauan lebih tepat.

Tambahan pula dengan adanya projek secara perintis itu, beliau berkata, ini akan menyediakan tempoh persediaan yang lebih rapi dan teliti ke arah pelaksanaan ke seluruh negara kelak.

"Pelaksanaan secara perintis juga pernah dilakukan ketika kerajaan ingin memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dulu.

"Di samping itu, dicadangkan supaya salah satu mata pelajaran yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar diambil daripada subjek kemanusiaan," katanya.

(END)